



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(12)

29 MAC 2012

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2012

PERMOHONAN PENGANUGERAHAN BAGI PELAJAR TAHUN AKHIR

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa merujuk kepada Peraturan Akademik pindaan 2011, perkara 12.2 (i): Pelajar yang telah memenuhi syarat pengijazahan perlu mengemukakan permohonan penganugerahan pada bila-bila masa dalam tempoh lima (5) tahun setelah tamat pengajian.

3. Sehubungan dengan itu, pihak fakulti adalah diminta untuk memastikan semua pelajar tahun akhir mengisi Borang Permohonan Penganugerahan (UMK/A5) mulai 15 April 2012 hingga 10 Mei 2012. Mana-mana pelajar yang tidak memohon untuk penganugerahan tidak akan disenaraikan dalam senarai pelajar yang akan bergraduasi pada tahun ini. Borang tersebut boleh dimuat turun melalui portal Universiti di alamat <http://ecomm.umk.edu.my> dengan memasuki Menu **Academic – Audit Pengijazahan**. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada fakulti masing-masing bersama-sama dengan Audit Pengijazahan yang telah disemak oleh pelajar dalam tempoh seperti yang dinyatakan di perenggan atas.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM DIJUNJUNG, RAJA DISANJUNG, RAKYAT DIPAYUNG"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROF. DR. IBRAHIM BIN CHE OMAR

Yang Menjalankan Tugas

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran